11/10/2001

Agenda tersembunyi media asing wajar didedah

MEDIA asing yang memang sengaja mahu memburuk-burukkan Malaysia sekali lagi menunjukkan belang mereka apabila sengaja memutar belit dan membuat andaian salah kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai serangan pengganas ke atas New York dan Washington. Dr Mahathir telah mempersoalkan serangan itu dan menyatakan pendirian Malaysia terhadapnya sebagai menjawab satu soalan di Dewan Rakyat. Anehnya, agensi berita Amerika Syarikat, Associated Press (AP) dalam memetik kenyataan beliau telah menghubung kaitkannya dengan serangan Amerika dan Britain ke atas Afghanistan hingga memberi gambaran yang salah terhadap pendirian Malaysia. Lebih mengaibkan lagi, agensi itu telah melaporkan seolah-olah Dr Mahathir menyarankan Amerika dan Britain sepatutnya menyerang Israel kerana negara itulah yang sebenarnya pengganas.

Bukan AP saja yang cuba memesongkan kenyataan. Sebelum ini pun majalah terbitan Hong Kong, Far Eastern Economic Review (FEER), berturut-turut dalam dua keluarannya melaporkan perkara yang tidak tepat mengenai sikap dan dasar Malaysia, khususnya dalam hubungannya dengan Singapura. Pertama berkaitan pendirian Malaysia tidak membenarkan jet pejuang Singapura mencabuli ruang udara kita. FEER sengaja memberi gambaran seolah-olah penerbangan pesawat pejuang Singapura di ruang udara Malaysia sebagai hak republik itu.

Dalam satu keluaran lain, ia sekali lagi cuba mengeruhkan hubungan negara dengan republik itu apabila melaporkan Malaysia mahu menaikkan lagi harga air mentah yang dibekalkan ke republik itu walaupun persetujuan baru telah dicapai berikutan perjumpaan Dr Mahathir dengan Menteri Kanan Lee Kuan Yew. Ia memberi gambaran seolah-olah rundingan semula perlu diadakan. Majalah itu sengaja melaporkan Malaysia secara sepihak memutuskan untuk tidak membina terowong kereta api ke Singapura kerana belanjanya yang tinggi dan mahu isu air itu dibawa semula ke meja rundingan sebagai ganjaran menghentikan landasan kereta api di Johor Bahru saja.

Media asing mungkin memandang ringan laporan mereka itu tanpa mengkaji kesannya yang mempersoal dan mencemar kewibawaan kita. Dasar dan sikap kita sengaja dipersoal dan diperkecilkan, terutama apabila ia ada kaitan dengan Islam dan negara jiran. Mereka seboleh-bolehnya tidak mahu martabat kita di mata dunia Islam naik begitu juga di mata Washington dan sekutunya, padahal kita adalah antara negara Islam yang sederhana dalam serba-serbi berbanding beberapa negara Islam lain. Media asing mahu Malaysia dikecam di arena antarabangsa dan jika melibatkan Singapura, mereka tetap menyebelahi republik itu walaupun kita berada di landasan yang benar.

Malangya, bagi sesetengah golongan pembaca dan pemimpin, terutama pembangkang di negara ini, mereka tetap menganggap media asing lebih berwibawa dan tepat dalam laporan mereka berbanding akhbar dan media Malaysia sendiri. Golongan ini sengaja memberi kredibiliti kepada majalah dan akhbar asing secara membuta-tuli. Oleh kerana kesan meluas laporan serong seumpama itu dan mungkin menyebabkan anggapan buruk kepada negara, adalah tepat dan wajar sekali pertubuhan berita yang membuat salah lapor bukan saja memohon maaf tetapi bertegas tidak membenarkan wartawan mereka menjatuhkan kredibiliti mereka. Segala laporan yang tidak bertanggungjawab dan diputarbelitkan itu boleh menjejas dan mengeruhkan hubungan kita dengan negara lain serta di mata dunia, terutama jika diungkit dan dibesar-besarkan oleh golongan berkepentingan. Apa yang dilakukan oleh

media asing itu tidak boleh diterima, malah agenda tersembunyi mereka untuk mencemarkan nama baik Malaysia harus didedah dan ditentang.

(END)